

Polisi Perolehan CSR / Garis Panduan Perolehan CSR

Polisi Perolehan CSR

Kumpulan Pigeon (selepas ini dirujuk sebagai Kumpulan Syarikat) telah menetapkan "Pigeon DNA / Pigeon Way" sebagai falsafah korporat yang diambil berat oleh setiap pekerja.

Kami telah menukuhan "Polisi Perolehan CSR" (selepas ini dirujuk sebagai "Polisi"), yang menggariskan falsafah asas aktiviti perolehan Kumpulan Syarikat dan usaha kami memenuhi tanggungjawab sosial untuk mewujudkan "Pigeon DNA / Pigeon Way" ini dan terus menyumbang kepada "pembangunan masyarakat yang lestari" seperti yang ditetapkan dalam "Polisi Asas Pigeon ESG / SDG" supaya menjadikan dunia ini tempat yang lebih mesra untuk bayi.

Untuk menjalankan perolehan bertanggung jawab dan menjalankan transaksi yang adil berdasarkan pematuhan undang-undang dan standard etika yang tinggi kami juga telah menggubal "Garis Panduan Perolehan CSR (selepas ini dirujuk sebagai Garis Panduan)" berdasarkan Polisi ini, untuk mengejar kualiti dan bekalan yang stabil bagi produk yang diperolehi dan bahan mentah dan juga untuk mewujudkan hubungan menang-menang antara pembekal dan Kumpulan Syarikat sambil mengurangkan kesan alam sekitar semasa membina produk kami.

1. Tanggungjawab sosial

- (1) Kualiti dan keselamatan
- (2) Perolehan dan bekalan stabil
- (3) Menghormati hak asasi manusia
- (4) Buruh
- (5) Persediaan BCP
- (6) Inisiatif keselamatan
- (7) Penggalakan perolehan bahan mentah lestari

2. Pengurangan kesan alam sekitar

- (1) Penggalakan pemuliharaan alam sekitar
- (2) Penggalakan penggunaan sumber yang cekap dan penjimatan sumber
- (3) Pengurangan sisa
- (4) Kawalan pelepasan bahan pemanasan global
- (5) Pengurusan bahan kimia dalam proses pembuatan dan produk
- (6) Kepelbagaian biologi

3. Urus niaga adil

- (1) Pematuhan norma sosial

- (2) Pematuhan undang-undang
- (3) Persaingan adil
- (4) Larangan penyelewengan dan rasuah
- (5) Larangan penyalahgunaan kedudukan tawar-menawar dominan
- (6) Pembinaan hubungan kepercayaan
- (7) Pengurusan maklumat dan keselamatan

Garis panduan perolehan CSR

Garis panduan ini (selaras dengan panduan antarabangsa seperti 10 prinsip Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan falsafah korporat Kumpulan Syarikat) menetapkan perkara yang harus diterapkan bagi membantu Kumpulan Pigeon (selepas ini dirujuk sebagai Kumpulan Syarikat) dan pembekal bersama-sama memenuhi tanggungjawab sosial mereka.

Di Kumpulan Syarikat, kami menganggap garis panduan ini sebagai perkara penting untuk urus niaga perniagaan dan akan sentiasa menyemak status inisiatif kami melalui penilaian CSR dll.

Kami memohon agar semua pembekal untuk memahami dan berkerjasama terhadap Garis Panduan ini.

1. Tanggungjawab sosial

(1) Kualiti dan keselamatan

Kumpulan Syarikat menawarkan produk dan bahan yang mengambil kira "keselamatan" dan "ketahanan" melalui aktiviti pembangunan menggunakan "falsafah reka bentuk" unik iaitu "Pigeon Design Philosophy" dan standard kualiti unik kami sendiri iaitu "Pigeon Quality Standard (PQS)".

(2) Perolehan dan bekalan stabil

Kami mengambil berat kepada perolehan dan bekalan yang stabil untuk menyampaikan produk dan perkhidmatan yang baik kepada pelanggan. Kami akan bekerjasama dengan pembekal untuk memastikan perolehan yang stabil dan berkongsi maklumat mengenai persediaan risiko dan pada masa yang sama, meminta pembekal segera menghubungi kami dan bersedia menghadapi risiko yang menghalang bekalan yang stabil dan segera memberhentikan bekalan sekiranya berlaku sesuatu kejadian dan memenuhi tanggungjawab pembekalan atas persetujuan bersama.

Di samping itu, kami mengambil berat untuk mendapatkan produk dan bahan yang menjimatkan dan kualiti yang disahkan dan keupayaan pembuatan dan bekalan yang memenuhi keperluan kami.

(3) Menghormati hak asasi manusia

Melalui aktiviti perolehan kami, kami mementingkan penghormatan hak asasi manusia dan kami berusaha untuk menghormati dan menerima kepelbagaiannya seperti kewarganegaraan, jantina, umur, kepercayaan, ketidakupayaan atau status sosial, identiti jantina dan orientasi seksual dan kami melarang diskriminasi sama sekali. Kami juga meminta pembekal kami untuk mematuhi "Dasar Hak Asasi Manusia Kumpulan Pigeon" dan mengambil inisiatif ke arah menghormati hak asasi manusia untuk memastikan bahawa aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan mereka tidak memberi kesan negatif atau mengabaikan hak asasi manusia.

(4) Buruh

Untuk merealisasikan kerja yang baik (kerja berperikemanusiaan yang berbaloi) dalam rantai bekalan, kami meminta pembekal untuk mengambil inisiatif berikut.

- Melarang buruh kanak-kanak, buruh paksa dan buruh haram dan mengambil berat sepenuhnya terhadap perlakuan tidak berperikemanusiaan kepada buruh dan menggalakkan penggajian pekerja yang sewajarnya.
- Mematuhi undang-undang dan syarat kerja berkaitan buruh, menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat, menjamin gaji minimum dan mencegah waktu kerja yang berlebihan.
- Menyokong kebebasan berpersatuan dan pengiktirafan berkesan terhadap perundingan kolektif di samping mengelakkan sebarang layanan diskriminasi dalam pengurusan atau layanan pekerjaan dan juga mencegah semua bentuk gangguan dan layanan tidak adil lain di tempat kerja.

(5) Persediaan BCP

Sebagai persediaan menghadapi risiko gangguan bekalan akibat bencana alam, kemalangan, keganasan, penutupan perniagaan dan sebab-sebab pengurusan Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP) ditubuhkan untuk melaksanakan pengurangan risiko dan menggalakkan pembekal untuk mendedahkan maklumat dan bersikap telus mengenai perjanjian dengan semua orang.

(6) Inisiatif keselamatan

Kumpulan Syarikat menjalankan semua proses daripada pembangunan sehingga pembuatan, jualan dan selepas jualan dan mendedahkan komposisi bahan, termasuk kandungan bahan kimia yang dianggap berbahaya oleh Kumpulan Syarikat dan memberi keutamaan kepada memastikan bayi dan keluarga mereka yang menggunakan produk kami berada selamat, berpuas hati dan mempercayai. Kami juga mematuhi undang-undang dan piawaian keselamatan setiap negara dan berusaha untuk memastikan kualiti dan keselamatan produk.

Kami juga mengiktiraf pergerakan ke arah pemansuhan ujian haiwan, satu permintaan

global dan penting dan akan berusaha ke arah merealisasikan pemansuhan ujian haiwan tersebut.

(7) Penggalakan perolehan bahan mentah lestari

Kami menggalakkan perolehan lestari derivatif minyak sawit, kertas dll., yang mempunyai isu alam sekitar, hak asasi manusia dan buruh yang serius.

2. Pengurangan kesan alam sekitar

(1) Penggalakan pemuliharaan alam sekitar

Kami memahami kepentingan pemuliharaan alam sekitar dan bekerjasama dengan pembekal untuk mengawal dan mengurangkan kesan alam sekitar yang disebabkan oleh pembuangan bahan berbahaya seperti pencemaran udara, pencemaran air dan pencemaran tanah akibat aktiviti perniagaan.

(2) Penggalakan penggunaan sumber yang cekap dan penjimatan sumber

Kami bekerjasama dengan pembekal kami untuk memastikan penggunaan sumber (tenaga, air, bahan mentah, dll.) yang lestari dan cekap dan penjimatan sumber (Reduce, Reuse, Recycle).

(3) Pengurangan sisa

Kami mengenal pasti, mengurus, mengurangkan dan membuang sisa secara bertanggungjawab, dan bekerjasama dengan pembekal kami untuk mengurangkan sisa ini.

(4) Kawalan pelepasan bahan pemanasan global

Di samping membina lagi sistem pengurusan alam sekitar, kami berusaha untuk mengenal pasti dan mengurangkan bahan pemanasan global khususnya, dan pada masa yang sama, merekodkan pelepasan CO₂ dengan sewajarnya.

(5) Pengurusan bahan kimia dalam proses pembuatan dan produk

Pengurusan bahan kimia yang terkandung dalam produk dan yang digunakan dalam proses pembuatan memerlukan penyelidikan, pengenalpastian dan pematuhan tentang maklumat bahan kimia yang digunakan untuk menyesuaikan dengan undang-undang alam sekitar, peraturan, perjanjian dll. setiap negara.

(6) Kepelbagaian biologi

Kami akan mempertimbangkan kesan langsung dan tidak langsung ke atas ekosistem dan menyeru usaha untuk memulihara dan menggunakan kepelbagaian biologi secara lestari.

3. Urus niaga adil

(1) Pematuhan norma sosial

Dalam semua aspek aktiviti perolehan kami sentiasa mengekalkan standard etika yang tinggi, menggalakkan aktiviti yang mengambil berat akan pematuhan, dan akan

melepaskan keuntungan yang tidak boleh diperoleh tanpa melanggar undang-undang atau etika korporat.

(2) Pematuhan undang-undang

Di bawah Pigeon DNA / Pigeon Way, Kumpulan Syarikat menyedari sepenuhnya kepentingan kewujudan sosial sesebuah syarikat dan mematuhi undang-undang dan peraturan setiap negara dan wilayah. Kami juga akan mematuhi dan mengamalkan sepenuhnya peraturan dalaman termasuk Kod Etika Korporat, dan tidak akan terlibat dalam sebarang tindakan yang mengelirukan atau bertentangan dengan ini.

Tambahan pula, kami tidak sesekali akan mempunyai apa-apa hubungan dengan kuasa anti-sosial dan dengan tegas akan menolak sebarang tuntutan yang tidak munasabah dan akan bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan untuk bertindak balas secara tersusun.

(3) Persaingan adil

Kami mematuhi undang-undang persaingan domestik dan antarabangsa dalam aktiviti perolehan, kerana kami berhasrat untuk membangun sebagai sebuah syarikat melalui perdagangan dan persaingan yang adil, telus dan bebas dan dengan itu menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang kukuh. Berdasarkan pertimbangan ini, kami akan mewujudkan kaedah urus niaga yang sesuai dan sambil berunding dengan pembekal, kami melibatkan diri dalam perolehan yang bertanggungjawab.

Tambahan pula, untuk mengurus dan menggunakan harta intelek dengan sewajarnya, yang merupakan sumber daya saing dalam aktiviti korporat, kami akan mengiktiraf kepentingan hak harta intelek seperti hak paten, hak model utiliti, hak tanda dagangan, hak reka bentuk dan hak cipta dan akan mendapatkan serta melindungi hak ke atas hasil penyelidikan dan pembangunan kami dengan sewajarnya. Kami juga akan berhati-hati dalam mengendalikan maklumat supaya tidak melanggar hak harta intelek pihak ketiga secara tidak adil.

(4) Larangan penyelewengan dan rasuah

Kami tidak akan sekali-kali memberikan atau menerima layanan hiburan, hadiah, wang dll. kepada / daripada pembekal untuk tujuan mendapatkan atau mengekalkan keuntungan atau layanan keutamaan yang tidak adil.

(5) Larangan penyalahgunaan kedudukan tawar-menawar dominan

Di bawah "Pigeon DNA / Pigeon Way", menyedari sepenuhnya kewujudan sosial kami sebagai sebuah syarikat, kami akan mematuhi undang-undang dan peraturan setiap negara dan wilayah dan pada masa yang sama tidak menyalahgunakan kedudukan dominan tawar-menawar kami dan akan berusaha untuk mengekalkan hubungan yang adil dan saksama dengan pembekal.

(6) Pembinaan hubungan kepercayaan

Kami akan membina hubungan kepercayaan dengan pembekal kami melalui urus niaga produk dan bahan yang selamat, memuaskan dan boleh dipercayai untuk bayi dan keluarga mereka.

Kami juga akan bertukar-tukar maklumat yang diperlukan dengan pembekal, menilai dengan ikhlas syarat-syarat urus niaga dan tindakan bersama dan berusaha untuk membangunkan perniagaan bersama dan meningkatkan prestasi.

(7) Pengurusan maklumat dan keselamatan

Maklumat sulit dan maklumat peribadi akan diuruskan dengan ketat semasa aktiviti perolehan. Kami juga menghalang penggunaan maklumat sulit tanpa kebenaran dll.

Ditubuhkan pada 21 Disember 2020

Disemak pada 5 Ogos 2024